



30 November 2020

## Aplikasi mudah alih Volkswagen Cares catat 30k langganan

- Aplikasi mudah alih Volkswagen Cares mobile dilancarkan pada Oktober 2018
- Catat 30,000 ahli setakat November 2020
- Aplikasi ini dibangun dan diuruskan khas untuk pasaran Malaysia

**KUALA LUMPUR** – Selepas dua tahun dilancarkan, aplikasi mudah alih Volkswagen Cares sudah berjaya mencatat 30,000 muat turun dan ahlinya. Aplikasi yang dilancarkan oleh Volkswagen Passenger Cars Malaysia (VPCM) itu merupakan sebahagian daripada inisiatif selepas jualan Volkswagen Cares yang komited untuk memberikan yang terbaik kepada pemilik kenderaan Volkswagen di negara ini.

Merupakan inisiatif tempatan sepenuhnya, aplikasi Volkswagen Cares dibangun dan diuruskan oleh kepakaran tempatan untuk pasaran Malaysia. Aplikasi ini menyaksikan pertumbuhan sebanyak 16,498 ahli pada tahun 2019. Manakala tahun 2020 merekodkan pertumbuhan 46 peratus dengan 9,483 ahli dan mencapai 30,000 muat turun setakat 30 November 2020.

Pengarah Urusan VPCM, Erik Winter gembira dengan sokongan yang diterima oleh aplikasi Volkswagen Cares. "Aplikasi ini direka untuk membuatkan perkhidmatan kami lebih mudah diakses oleh pelanggan, sekali gus menambah baik pengalaman pemilikan mereka secara keseluruhannya. Kemudahan untuk masuk ke dalam dunia Volkswagen menerusi aplikasi mudah alih ditawarkan di pelbagai pasaran Volkswagen di seluruh dunia. Kami juga berbesar hati untuk menyatakan bahawa aplikasi kami ini menyaksikan tahap penerimaan yang sangat baik berbanding pasaran lain yang diuruskan oleh Porsche Holdings Group.

"Kejayaan ini nyata membuatkan kami mahu terus menambah baik aspek perhubungan dan memberi perkhidmatan terbaik kepada pelanggan. Malah, kami sudah merancang untuk merombak dan meningkatkan lagi ciri serta tawaran aplikasi ini pada tahun hadapan," katanya lagi.

Aplikasi Volkswagen Cares merupakan satu aspek penting buat para pemilik kerana tawaran selepas jualan seperti baucar servis percuma selama 3 tahun dan pakej servis hanya boleh diakses serta disambungkan secara eksklusif menerusi aplikasi ini.

### Press contact

Dawn Ling  
Manager, VPCM  
Tel: 012 – 474 3007  
E: [dawn.ling@vw.com.my](mailto:dawn.ling@vw.com.my)

Yani Fadzil  
Senior Manager, VPCM  
Tel: 012 – 212 8977  
E: [yani.fadzil@vw.com.my](mailto:yani.fadzil@vw.com.my)



More under  
[www.volkswagen.com.my](http://www.volkswagen.com.my)  
[www.volkswagen-newsroom.com](http://www.volkswagen-newsroom.com)

## Media Information



Mereka yang memiliki kenderaan berusia lima tahun dan ke atas di bawah program Volkswagen Care Plus (VCP) juga boleh melihat serta mengakses kelebihan yang disediakan melalui aplikasi ini. Ciri-ciri lain yang ada pada aplikasi tersebut termasuklah tawaran terkini jualan dan selepas jualan, video pendidikan, kemas kini acara serta bantuan tepi jalan 24 jam – semuanya melalui satu sentuhan sahaja.

Mereka yang bukan pemilik kenderaan Volkswagen juga dijemput untuk memuat turun aplikasi ini untuk mengakses banyak tawaran jualan dan kandungan video. Selain menerima kemas kini tentang acara dan jualan menerusi notifikasi.

Aplikasi mudah alih Volkswagen Cares boleh didapati untuk IOS dan Android. Ia boleh dimuat turun daripada App Store dan Google Play Store.

Maklumat lanjut, sila layari laman web: [www.volkswagen.com.my](http://www.volkswagen.com.my)

---

Volkswagen Passenger Cars Malaysia (VPCM) is the official distributor of Volkswagen cars in Malaysia. With long-term business aspirations in the region VPCM's primary focus is on sales strategies through future products, strengthening the Volkswagen dealer network and service and parts availability. VPCM is managed by European automotive retail specialist, Porsche Holding Salzburg, is one of the largest and most successful automotive distributors in Europe. The Salzburg-based company was founded in 1947 and operates today in 26 markets in Western- and South-eastern Europe, China, and in Colombia and Chile in South America.

---